

# 'Anwar belakangkan pembangkang'

Oleh Azrina Ahzan

**P**UTRAJAYA: Pemuda Umno menyifatkan kenyataan Datuk Seri Anwar Ibrahim ingin bertanding pilihan raya kecil di kerusi Parlimen yang dikosongkan Parti Keadilan Rakyat (PKR) selepas pilihan raya umum akan datang sebagai riak, takbur dan angkuh.

Ketuanya, Datuk Seri Hishammuddin Hussein, berkata ia membuktikan Penasihat PKR itu hanya mementingkan diri dan membelakangkan rakan pembangkang lain ketika pembahagian kerusi masih dirundingkan.

"Kenyataan ini jelas menunjukkan sikap riak, takbur dan angkuh kerana tidak tentu lagi PKR akan menang satu kerusi pun. Malah, saya yakin di Permatang Pauh pun kita (Barisan Nasional) boleh menang.

"Saya ingin menasihatkan Datuk Seri Anwar memastikan mereka menang mana-mana satu kerusi dulu

sebelum menawarkan diri untuk berundur dan memberi peluang kepadanya bertanding dalam pilihan raya," katanya selepas melancarkan buku siri sastera kanak-kanak dan remaja (Bahasa Arab) serta siri pendidikan terbitan Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad (ITNM) di sini, semalam.

Hishammuddin mengulas kenyataan Anwar bahawa beliau akan memastikan dirinya berpeluang menjadi wakil rakyat menerusi cara itu jika tidak dapat bertanding pilihan raya umum yang dijangka diadakan sebelum April ini,

"Jika tidak dapat bertanding pada Mac ini, saya akan bertanding pada Mei di kawasan yang kami menang. Calon yang menang akan berundur dan memberi ruang untuk saya," katanya kepada pemberita di Ibu Pejabat PKR, di Ipoh kelmarin.

Antara 15 kerusi Parlimen yang maksudkan Anwar ialah Indera Mahkota dan Pekan di Paliang, Bandar

Tun Razak dan Segambut di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Permatang Pauh di Pulau Pinang dan Alor Star, Kedah.

Ditanya sama ada langkah Anwar itu boleh dianggap sebagai mempermainkan pengundi, Hishammuddin berkata memang amalan pembangkang mempermainkan rakyat dan hakikat itu dibuktikan pada pilihan raya kecil Dewan Undangan Negeri (DUN) Ijok tahun lalu.

"Ia perkara biasa dan sekarang pun beliau sering ke kawasan yang mempunyai lebih pengundi India dan menjanjikan pelbagai perkara, seolah-olah beliau seorang saja yang boleh membela nasib kaum India.

"Perbuatan ini jelas bertujuan mengaburi dan mempermainkan rakyat. Perbuatannya meletakkan pelbagai tuduhan kepada kerajaan dan Kementerian pelajaran juga perlu dipertikaikan.

"Jangan lupa suatu ketika dulu beliau adalah Menteri Pelajaran dan

Timbalan Perdana Menteri. Orang ramai boleh menilai sendiri hasrat dan matlamatnya," katanya.

Mengenai calon yang bakal diumumkan Pemuda Umno pada pilihan raya umum, Hishammuddin berkata, beliau sudah menerima beberapa senarai dan akan mengadakan perjumpaan dengan kepimpinan pada peringkat negeri.

Sementara itu, katanya, Kementerian Pelajaran berhasrat mengabdikan nama bekas Ketua Pengarah Pelajaran, Tan Sri Murad Mohd Noor pada Institut Penyelidikan dan Pembangunan Pendidikan Islam (IPPI) yang bakal dibina.

Hishammuddin berkata, penghormatan itu bagi menghargai sumbangan Allahyarham memartabatkan pendidikan agama di negara ini seperti membela nasib sekolah agama rakyat dan negeri serta melaksana program Jawi, al-Quran, Arab dan Fardu Ain (j-QAF) di sekolah rendah.